



GARIS PANDUAN PENULISAN ARTIKEL KEPAKARAN KEPADA PIHAK MEDIA

Merujuk kepada perkara di atas dan bagi menterjemahkan hasrat visibiliti kepakaran Universiti oleh Naib Canselor Prof. Datin Paduka Setia Dato' Dr. Aini Ideris, Universiti Putra Malaysia (UPM) memohon YBhg. Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan / Puan untuk menyumbang penulisan artikel pendapat kepakaran kepada pihak media. Sebagai panduan penulisan, spesifikasi artikel kepakaran adalah seperti berikut:

SPESIFIKASI ARTIKEL PENDAPAT KEPAKARAN

1. Penulisan atau pandangan hendaklah berasaskan kepada bidang kepakaran. Elakkan daripada banyak menggunakan pendapat orang atau menerangkan latar belakang atau penerangan sesuatu isu dengan terlalu panjang. Anggap sahaja pembaca telah tahu penerangan sesuatu isu. Guna kaedah *straight to points*.
2. Artikel sesuai untuk disiarkan media jika menggunakan gaya bahasa yang mudah dan semua lapisan anggota masyarakat boleh membaca dan memahaminya.
3. Font tajuk ialah Arial Black saiz 16, bold, huruf besar. Di atas tajuk sila tulis (ARTIKEL PENULISAN KEPAKARAN UPM)
4. Di bawah tajuk tulis maklumat : nama penulis, jawatan, jabatan, fakulti, bidang kepakaran, no HP dan e-mail (di bawah tajuk)
5. Font isi penulisan ialah Verdana atau Cambria saiz 12
6. Spacing – Single line. Jarakkan antara dua perenggan
7. Gunakan hanya satu atau dua ayat sahaja pada setiap satu perenggan. Penggunaan melebihi dua ayat tidak digalakkan.
8. Boleh tulis sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
9. Jumlah patah perkataan – Tidak melebihi 700 patah perkataan.
10. Foto *mug shot* atau foto seperti pasport hendaklah dilampirkan secara berasingan.

11. Penulisan perlu memberi penekanan kepada aspek penyelesaian masalah terhadap isu-isu semasa negara yang terkini atau baharu yang dilaporkan dalam media. Boleh menyokong, menambah baik atau membantah isu yang sedang mendapat perhatian khalayak. Utamakan idea baharu atau cadangan cara untuk mengatasi masalah yang ada dan ianya perlu merangkumi 30 ke 50 peratus daripada keseluruhan artikel. Elakkan banyak petik pendapat pakar lain atau kutipan fakta yang umum sedia maklum kecuali untuk penerangan ringkas latar belakang isu.

12. Sokong penulisan dengan data, fakta atau contoh-contoh yang kukuh, sahih dan tepat.

13. Anda boleh memulakan ayat artikel mirip contoh dua situasi ayat berikut:

(a) Contoh penulisan sempena Hari-Hari Penting Sedunia yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu:

(Sempena Hari Hutan Sedunia yang disambut setiap tahun pada 3 Mac dan diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, wajarlah kita menyingkap kembali sejauh mana sumbangan dan peranan kita dalam pemuliharaan hutan tempatan.)

Saya terpanggil untuk memberikan beberapa cadangan terhadap isu pembalakan haram yang berlaku di Hutan Lojing Gua Musang, Kelantan yang semakin parah. Isu ini telah dimainkan oleh media-media tempatan pada bulan Februari lalu di mana terdapat kaedah untuk menangani pembalakan haram ini)

(b) Contoh penulisan cadangan atau penyelesaian masalah oleh pensyarah terhadap sebarang isu semasa yang menjadi topik utama media massa negara dalam tempoh dua minggu kebelakangan ini atau satu isu yang dimainkan oleh satu akhbar atau televisyen. Dibenarkan juga untuk isu berdasarkan pengalaman sendiri yang baru ditempuhi tetapi memberi impak kepada satu isu besar terkini (Untuk penulisan yang bukan isu semasa tidak digalakkan kerana sukar tersiar)

Saya merujuk kepada satu laporan ‘Kaedah menangani Covid19 – Sejauh manakah kita bersedia?’ yang ditulis oleh Prof Ismail Ismail dari Universiti Sains Malaysia yang disiarkan oleh akhbar Sinar Harian dalam ruangan Cetusan Pendapat pada 20 Mac kelmarin.

Di sini saya tidak bersetuju dengan beberapa saranan oleh Prof Ahmad kerana terdapat beberapa cadangan beliau yang tidak selari dengan usaha-usaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

14. Pengenalan biar ringkas. Kesimpulan artikel hendaklah ditulis pada permulaan artikel, bukan penamat artikel seperti kebiasaan.
15. Di penghujung artikel, sila ulangi semula pendirian jitu anda sama ada sokong atau tidak (pro atau kontra) dalam sesuatu isu.
16. Penulisan yang baik adalah penulisan yang boleh memberi pencerahan terhadap sesuatu isu. Penulisan boleh berbentuk kritikal tetapi tidak boleh menyentuh isu sensitif melibatkan agama dan kaum yang boleh mengganggu ketenteraman awam.

Hantar artikel anda yang mematuhi garis panduan ini kepada Khairul Anuar Muhamad Noh, emel: khal.upm@gmail.com atau azar@upm.edu.my atau nmohd77@upm.edu.my atau mohd_izani@upm.edu.my. Bersama-sama ini disertakan lampiran senarai mentor dan contoh penulisan untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

Profesor. Dr. Azmawani Abd Rahman
Pengarah
Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
Serdang, Selangor
Tel: 013-3501037

LAMPIRAN 1**MENTOR ATAU PAKAR RUJUK ARTIKEL PENULISAN KEPAKARAN**

(Penulis boleh menghubungi mentor atau pakar rujuk artikel penulisan kepakaran berikut)

1. Khairul Anuar Muhamad Noh, Pegawai Media, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) Tel: 013-3957650
2. Noor Mohamad Shakil Hameed, Timbalan Pengarah, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) Tel: 012-6505316
3. Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain, Timbalan Pengarah, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) Tel: 019-4775440
4. Ts. Dr. Syed Agil Alsagoff, Penyarah Kanan Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Tel: 017-3851474
5. Prof Madya Dr Malina Osman, Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi dan Biostatistik) Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Tel: HP: 013-6298572

LAMPIRAN 2: CONTOH ARTIKEL KEPAKARAN

MEDIA: BERITA HARIAN

27 Mac, 2020

(ARTIKEL PENULISAN KEPAKARAN UPM)

**TAJUK: CEGAH PENULARAN COVID-19:
BERTANGGUNGJAWABLAH KEPADA MASYARAKAT
DAN NEGARA**



Oleh Prof Madya Dr Malina Osman

Pakar Kesihatan Awam (Epidemiologi/ Biostatistik)

Jabatan Mikrobiologi dan Parasitologi Perubatan,

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UPM

Email: malinaosman@upm.edu.my

HP: 013-6298572

Kita masih berhadapan ujian getir wabak Covid-19. Ia bukan lagi masalah yang boleh dianggap asing atau terkesan di rantau tertentu di dunia. Namun, realiti yang ditunjukkan kini memberikan indikasi ia adalah masalah yang berpotensi menjangkiti individu pada skala yang lebih besar.

Wabak covid-19 yang mula dikesan pada akhir 2019 itu kini telah menjangkiti lebih 90 000 individu di lebih 50 buah negara. Ia juga telah menyebabkan lebih 3000 kematian serta impak ekonomi yang masih tidak dapat dipastikan magnitud sebenarnya.

Pada masa kini, biarpun wabak masih berpusat di China, Korea Selatan, Jepun, Itali dan Iran, namun kewujudan kes di negara-negara yang sebelum ini tidak ada kes berkenaan, memberikan persepsi kebimbangan yang kian bertambah. Sehubungan dengan itu Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) baru-baru ini pada 29 Februari 2020, telah mengishtiharkan risiko mendapat jangkitan Covid-19 ini dari tinggi ke tahap SANGAT tinggi bagi kesemua perjalanan di peringkat serantau mahupun di peringkat global.

Ini bermakna, syor yang sangat jelas ialah setiap individu kita perlu mempertimbangkan semula hasrat untuk bermusafir ke luar negara. Dalam situasi yang masih tidak menentu, perjalanan-perjalanan yang dianggap tidak perlu, hendaklah ditangguhkan serta dipertimbangkan apabila situasi benar-benar pulih.

Syor ini bukan untuk masyarakat kesihatan atau mereka yang berdepan dengan pesakit Covid-19 atau untuk Kementerian Kesihatan sahaja. Namun secara jelas ia meliputi SEMUA individu, tanpa mengira pangkat, kedudukan serta di mana organisasi seseorang itu berada.

Ramai yang memberikan justifikasi meneruskan perjalanan disebabkan kos pengangkutan dan penginapan yang telah dibayar serta tidak mampu menanggung kerugian. Ada pula memberikan justifikasi tanggungjawab organisasi serta tidak boleh dielakkan. Sebahagian lagi, melakukan perjalanan disebabkan tambang dan kesemua kos perjalanan ‘jatuh’ merudum dalam julat yang dianggap sangat berpatutan.

Sesuatu perjalanan sepatutnya dipertimbangkan menurut objektif sebenarnya. Setiap individu, pasti dapat menjelaskan niat atau matlamat sebenar. Pertimbangkanlah sebaik-baiknya sesuatu perjalanan yang hendak dilakukan.

Dalam konteks wabak Covid-19 ini serta risiko transmisi yang sangat tinggi, kita perlu mempertimbangkan kesan ke atas masyarakat dan negara. Buatlah keputusan dengan adil iaitu tidak hanya memikirkan tentang diri sendiri. Setiap kita perlu mengambilkira kepentingan awam di negara ini, pilihlah keputusan yang lebih penting. Memilih meneruskan perjalanan atau mengutamakan kesihatan? Bertegas mencapai hasrat di hati atau berdepan risiko sakit? Berpendirian untuk memenuhi hajat diri sendiri atau berdepan dengan kemungkinan menyebarkan pula pada masyarakat setempat?

Dalam masyarakat kita, tidak semua mereka sihat. Ada yang mengalami masalah penyakit kronik seperti daibetis mellitus, hipertensi serta penyakit kronik lain seperti kanser, penyakit-penyakit tertentu yang menyebabkan status imun mereka terjejas. Ada juga yang mempunyai masalah paru-paru seperti pesakit batuk kering, masalah obstruksi salur pernafasan

kronik (COAD) serta tidak ketinggalan kalangan ibu-ibu hamil dan warga emas. Kajian terkini juga menunjukkan, jangkitan Covid-19 ini sangat merbahaya kepada golongan perokok tegar disebabkan faktor dalaman tertentu yang berpotensi menyebabkan kompliasi serius paru-paru sehingga berpotensi menyebabkan kematian.

Penularan wabak Covid-19 ini sangat berbeza dengan jangkitan virus corona yang lain. Jangkitan ini sangat mudah tersebar melalui cecair tubuh iaitu kahak, hingus dan air liur. Tanpa memberatkan bertindak positif mencegah penyakit berkenaan, kemungkinan untuk jangkitan ini tersebar adalah sangat tinggi. Pola jangkitan sedemikian berpotensi pula ‘melumpuhkan’ perjalanan sesuatu organisasi berikutan keperluan rawatan, kuarantin dan sebagainya.

Pihak-pihak yang berkenaan dalam sektor kerajaan maupun swasta perlu bertindak pantas untuk menyaring semula permohonan kakitangan mereka ke luar negara atau ke destinasi tertentu. Semua permohonan tanpa sebab yang kukuh serta boleh ditangguhkan, disyorkan untuk ditangguh atau dibatalkan. Tidak timbul isu kerugian yang perlu ditanggung berbanding risiko impak yang bakal ditanggung oleh masyarakat awam. Demikian juga, disyorkan penangguhan untuk semua keramaian yang tidak perlu, atau situasi yang melibatkan individu yang tidak kita ketahui latarbelakangnya.

Seperkara lagi yang perlu ditekankan ialah, bagi individu yang telah melakukan perjalanan ke luar negara terutama ke negara yang berisiko, perlulah memaklumkan pada keluarga dan sahabat-sahabat dekat. Sebaik-baiknya, ambillah waktu selama 14 hari untuk kuarantin diri sendiri sebelum kembali melalui rutin tugas seperti biasa.

Bagi masyarakat awam, keimbangan yang dirasai kini perlulah diterjemahkan melalui langkah-langkah positif untuk terus mengelakkan diri dari jangkitan. Ia dapat dilakukan melalui komitmen kita sentiasa menjaga kebersihan tangan, kebersihan diri sendiri, tidak berkongsi peralatan makanan/ minuman, sentiasa melaksanakan etika batuk dan bersin serta tidak keluar rumah jika tidak sihat.

Penggunaan topeng muka bukanlah pelindung mutlak, namun ia membantu terutama mereka di barisan hadapan dalam menyaring dan merawat kes yang disyaki serta melindungi mereka yang sakit dari menyebarkan cairan kahak/ air liur kepada masyarakat atau perlindungan sementara apabila kita berada di tempat yang sesak. Mereka yang berkira-kira untuk melakukan perjalanan ke luar negara atau terlibat dengan keramaian, disyorkan untuk menghentikan sementara rancangan tersebut.

Tanggungjawab pencegahan bermula dari setiap kita sebagai individu. Ia adalah simbol komitmen kita semua sebagai warga yang bertanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

MEDIA: NEW STRAITS TIMES
17 MAC, 2019

(UPM EXPERTISE ARTICLE)

CRUDE PALM OIL PRICES FORECAST TO BE HIGHER THIS YEAR



By Prof Datuk Dr M Nasir Shamsudin

Department of Agribusiness and Bioresource Economics
Faculty of Agriculture
Universiti Putra Malaysia
Emel: mns@upm.edu.my
Hp: 019-3849320

The Malaysian palm oil industry has played an important role in the Malaysian economy. The planted area had expanded phenomenally from a mere 55,000 ha in 1960 to 5.849 million hectares in 2018. In tandem with the area expansion, the production of palm oil also grew significantly from less than 100,000 tonnes in 1960 to about 19.516 million tonnes in 2018. This rapid expansion, especially in the 1960s, was encouraged by the diversification strategy of the Malaysian government, which recognized palm oil potential as a complementary crop to rubber.

Presently the palm oil industry contributed 4.67% to the country's Gross Domestic Products (GDP), and approximately 46.6% to the agricultural GDP. Total exports of oil palm products were 23.97 million tonnes in 2017 with the export revenue of RM77.85 billion. Palm oil export earnings alone was RM46.12 billion. The global market is expected to grow with rising global population and income, increasing biofuels production, accelerating economic growth especially in the developing economies, and growing application in various markets.

Despite the impressive achievements, palm oil continues to receive criticism and alleged links to such as deforestation, climate change, health effects, and market restrictions in terms of tariff and non-tariff trade barriers. This has resulted in the negative sentiments leading to the degradation of demand of palm oil-based products and export market access.

Added to the above challenges is agricultural commodity price volatility and instability. Price volatility is endemic and almost an inherent feature of commodity production due partly to inelastic supply and demand. Slight changes in the fundamental factors would have a large impact on prices.

Crude palm oil (CPO) prices dropped to three-year lows in November and December 2018 amid high stock levels in Southeast Asia and weak demand. Stocks was reported at a record high of 3 million tonnes. Exports dropped by 12.9% month-on-month to 1.38 million tonnes as major buyers such as China, the EU, Pakistan and the Philippines bought less of Malaysian palm oil products. Consequently, the average CPO price in November stood at RM1,830.50 per tonne, down by 12% month-on-month. In 2018, the average CPO price was RM2,267 per tonne against RM2,817 a tonne in 2017. Other than fundamental factors of supply, demand, and stocks, palm oil prices are also affected by price movements of soybean oil, which competes for a share of the global vegetable oil market, and influenced by crude oil because the edible oil is also used as feedstock to make biodiesel.

Based on the past CPO price patterns, the low price level in 2018 was also due to the four year cycle in the commodity prices. These cycles are extended periods during which commodity prices are well above or below their long-run trend. Before 2018, the last low price cycles was in 2015.

The prices had rebound in January and February 2019 to RM2,037 and RM2100.50, respectively, as compared to November and December 2018 prices at RM1,830 and RM1,794.50. The general opinion is that the prices of crude palm oil and other oils depend on the outlook for palm stocks. It is predicted that stocks will fall till mid-year in line with seasonal production trends which will lift the crude palm oil prices, especially if Indonesia maintains its heightened pace of biodiesel use.

The crude palm oil prices are expected to rise to average between 2,200 and 2,300 ringgit per tonne by June on a seasonal decline in stocks. As one of the largest import of Malaysian palm oil at 2.514 million tonnes in 2018, the cut of import duties on crude palm oil from some countries, including Malaysia and Indonesia, to 40% from 44% by India and on other palm oil to 45% from 54% will also boost the prices.

For 2019, though supply of CPO will remain ample due to steady production growth in Indonesia, but consumption will grow by a strong 5% year-on-year, at the fastest rate recorded since 2013. With low stock levels and firmer soybean oil and crude oil prices, the CPO prices are forecasted to be higher in 2019 than in 2018 with an average price of RM2,300 per tonne.

MEDIA: BERITA HARIAN
22 Mac, 2020

(ARTIKEL PENULISAN KEPAKARAN UPM)

KETEPI PERBEZAAN TANGANI ISU KESELAMATAN NEGARA



Oleh Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain
Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengumuman kerajaan bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut digerakkan membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengurangkan pergerakan rakyat mulai hari ini menterjemah betapa kritikalnya keselamatan insan diperjuangkan.

Sebelum perang dingin, soal keselamatan nasional sering merujuk kepada keselamatan berkait rapat dengan negara atau pemerintah. Pemerintah atau negara menjadi aktor penting dalam konsep keselamatan. Ia bermakna, jika keselamatan pemerintah dan konteks negara terjamin, maka ia mampu memelihara dan menjamin keselamatan rakyat di bawah.

Ancaman keselamatan pula lebih tertumpu kepada ancaman berbentuk fizikal seperti ancaman ketenteraan dan peperangan. Hal ini sememangnya mempengaruhi tindakan pemerintah untuk menjamin keselamatan negara dengan menyediakan peruntukan yang besar dalam ketenteraan misalnya.

Namun, soal keselamatan nasional mengalami evolusi apabila cakupannya semakin meluas. Ia tidak lagi tertumpu kepada soal keselamatan pemerintah, tetapi kelangsungan dan kesejahteraan hidup manusia. United Nation Development Programme (UNDP), melalui United Nation Development Report yang diterbitkan pada 1994 telah memasukkan satu bahagian dengan keselamatan insan, iaitu Redefining Security: The Human Dimension.

Dalam laporan ini, aspek keselamatan insan dan indikator yang boleh mengancam keselamatan insan telah dikenal pasti seperti ekonomi, makanan, kesihatan, persekitaran, peribadi, alam sekitar, masyarakat dan politik. Apa yang menarik, dalam konteks kesihatan, soal keselamatan insan ada menggariskan tentang faktor penyakit berjangkit atau pandemik yang boleh mengancam nyawa manusia.

Banyak buku yang dihasilkan oleh sarjana antarabangsa mahupun tempatan mengenai keselamatan insan. Antaranya buku bertajuk Non-Traditional Security Issues in Southeast Asia, suntingan Andrew T.H. Tan dan J.D. Kenneth Boutin pada 2001 serta Keselamatan Nasional Malaysia, suntingan Profesor Dr. Kamarulnizam Abdullah pada 2012.

Sarjana berhujah bahawa fokus keselamatan kini telah melangkaui aspek ketenteraan. Justeru, fokus utama keselamatan adalah rakyat dan bukan lagi pemerintah, kerana jika masyarakat tidak terjamin keselamatannya, maka ia boleh menjelaskan keselamatan pemerintah atau negara.

Sebagai contoh yang paling jelas, penularan wabak conoravirus atau COVID-19 yang berlaku di negara boleh menjelaskan keselamatan negara secara keseluruhannya jika tidak ditangani dan diuruskan dengan baik. COVID-19 telah memberikan pengajaran bahawa kita tidak boleh berkompromi tentang keselamatan insan.

Sehingga kini, penularan COVID-19 masih berlaku di seluruh dunia. Ia bermula di Wuhan, China pada Disember 2019 dan merebak hingga ke benua Eropah. Itali adalah negara yang paling teruk terkesan dalam pandemik ini selain Iran. Sehingga tulisan ini disediakan, Malaysia telah mencatatkan tiga kematian pertama selain lebih 1000 kes pesakit yang positif dijangkiti virus.

Perdana Menteri. YAB. Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan selama dua minggu, iaitu bermula 18 Mac hingga 31 Mac ini. Kita yakin bahawa kerajaan sedang dan akan melakukan yang terbaik untuk mengawal dan menghapuskan penularan virus ini. Tidak dinafikan, wujud isu komunikasi dan koordinasi dalam menangani hal ini, namun ia boleh menjadi pengajaran berharga untuk semua pihak dalam berhadapan situasi yang sama pada masa akan datang.

Apa yang jelas, penularan COVID-19 ini telah memberikan kita beberapa pengajaran. Pertama, ancaman keselamatan nasional bukan lagi berkisar soal ancaman berbentuk fizikal atau ketenteraan. Dalam kata lain, ancaman utama keselamatan nasional bukan lagi peperangan atau soal melindungi sempadan semata-mata, tetapi kelangsungan dan kesejahteraan hidup manusia.

Kedua, masyarakat kita semakin terdedah dengan aspek keselamatan yang menyeluruh dan semakin kompleks, yang terkandung dalam soal keselamatan insan. Meskipun Malaysia adalah sebuah negara yang bebas merdeka, mereka perlu diingatkan bahawa negara tidak terkecuali daripada ancaman keselamatan bukan fizikal seperti pandemik.

Ketiga, dengan meluasnya cakupan keselamatan ini, soal menjaga dan memelihara keselamatan bukan lagi tanggungjawab kerajaan semata-mata. Sebaliknya, masyarakat turut bertanggungjawab dengan meningkatkan tahap pengetahuan dan kefahaman mereka tentang keselamatan insan dan ancaman terhadapnya. Kerjasama antara kerajaan dan rakyat sangat penting ketika ini.

Sebelum ini, pendekatan Pertahanan Menyeluruh atau HANRUH telah diperkenalkan dalam menangani isu keselamatan negara secara holistik. Ia melibatkan pelbagai entiti pertahanan dan keselamatan negara seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Selain itu, di banyak negara, sudah ada pendekatan seperti Military Operation Other Than War atau MOOTW yang mempromosi keamanan dan melihat aspek keselamatan bukan fizikal atau bukan ketenteraan.

Tanpa menafikan ancaman berbentuk fizikal dan ketenteraan seperti apa yang berlaku di beberapa kawasan berkonflik di seluruh dunia, ancaman keselamatan kini sudah lebih tertumpu kepada kelangsungan dan kesejahteraan hidup insan. Negara seperti Malaysia tidak lagi berhadapan dengan ancaman peperangan tetapi ancaman seperti pandemik COVID-19 yang memberi risiko kepada kehidupan manusia.

Secara tuntasnya, aspek keselamatan insan perlu ditekankan dalam masyarakat kita. Advokasi awam perlu diperluaskan agar masyarakat bersiap siaga dan tidak lagi panik menghadapi situasi sukar seperti yang dilalui sekarang. Hakikatnya, COVID-19 telah mengakibatkan kehidupan kita sangat rapuh. Justeru, tiada yang lebih penting selain kita bersatu dan menolak perbezaan demi kesejahteraan Malaysia tercinta, sekurang-kurangnya pada saat getir ini.